

Information Sheet on the Malay Language Elective Programme at Pre-University Level (MLEP-JC)

Introduction

The Malay Language Elective Programme (MLEP) was introduced by the Ministry of Education to nurture promising students to attain a high level of language proficiency in Malay and to develop academically able students to become effectively bilingual. MLEP-JC is offered at five Pre-U centres, namely Jurong Pioneer Junior College, National Junior College, Tampines Meridian Junior College, Yishun Innova Junior College and Raffles Institution.

Objectives

The objectives of the programme are:

- to nurture promising students to attain a high level of language proficiency in Malay, and enhance their understanding of the Malay literature and culture; and
- to provide opportunities for students who are academically able and linguistically talented to become effectively bilingual, both in Malay language as well as the English language so as to better serve the needs of our nation.

Course Content

The duration of the programme is two years. All MLEP-JC students must offer H2 Malay Language & Literature (H2 MLL) at A level.

MLEP-JC students will have the option to go beyond offering H2 MLL by attending H3 MLL lessons as a non-examinable subject. They can subsequently offer H3 MLL as an examinable subject¹ if they wish to do so.

H2 Malay Language and Literature

- | | |
|------------------|---|
| Paper 1 | : Essay |
| Paper 2 (E-Exam) | : Comprehension and Commentary |
| Paper 3 | : Literature Paper, which requires students to study literature of various genres including novel, short stories, poetry and drama. |

H3 Malay Language and Literature

- H3 Malay Language and Literature paper (the paper comprises of 2 components; creative writing and texts analysis, including traditional texts); or
- Essay or project based on any of the topics set by a local university.

¹ Students can do so as long as the 12 AU cap for total examinable subjects at the A-Level examination has not been breached.

Enrichment Activities

The MLEP-JC provides a wide range of activities to enhance students' learning and cultivate a deeper interest in Malay language and culture. The programme includes overseas immersion trip (Malaysia, Negara Brunei Darussalam or Indonesia), creative writing workshop, translation workshop, literature camps, lecture series, forums, discussions and internships. Students also have the opportunity to publish their essays and creative works in our MOE publication, Saujana Pujangga.

Eligibility

In the GCE O level examination, students must obtain at least:

- Grade B3 in Higher Malay Language (HML) or
- Grade B4 in HML and B3 in Literature in Malay (Full or Elective) or
- Grade A2 in Malay Language (ML)

Students could gain entry to the MLEP-JC centres through Joint Admission Exercise (JAE) or Direct School Admission (DSA). Students will need to meet the entry requirement of the respective college offering MLEP-JC.

Programme Incentives

Bonus Points

- Students who apply and are selected for the MLEP-JC are eligible to enjoy 2 bonus points for admission to the respective schools.
- Students who are admitted to MLEP-JC are required to remain in the programme regardless of whether they had utilised the 2 MLEP-JC bonus points. Otherwise, they may be asked to leave the JC.

Malay Language Elective Scholarship (MLES)

MLEP-JC students who are Singapore Citizens and achieved outstanding academic results in secondary school or GCE 'O' Level examination may be considered for the MLES awarded by MOE. The MLES is tenable for 2 years.

- Recipients will receive an annual scholarship allowance of \$1,000. School fees will also be covered, subject to an annual cap of \$2,400. Recipients are not required to enter into a bond with the Singapore government.
- The MLES is awarded on the condition that the student remains in the MLEP-JC and offer H2 Malay Language and Literature. Recipient is encouraged to offer H3 Malay Language and Literature.
- The renewal of the MLES is subject to the recipient's JC 1 examination performance and conduct.

MLEP Certificate

A certificate of recognition will be presented to students upon completion of the 2-year programme.

Senarai Informasi Program Elektif Bahasa Melayu di Peringkat Prauniversiti (MLEP-JC)

Pengenalan

Program Elektif Bahasa Melayu di Peringkat Maktab Rendah (MLEP-JC) diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan para pelajar yang berminat dan cenderung dalam Bahasa Melayu dan mempelajarinya di peringkat yang lebih tinggi. Menerusi program ini, pelajar diharap akan mencapai keupayaan berdwibahasa yang baik. MLEP-JC ditawarkan di lima pusat prauniversiti, iaitu Maktab Rendah Jurong Pioneer, Maktab Rendah Kebangsaan, Maktab Rendah Tampines Meridian, Maktab Rendah Yishun Innova dan Institusi Raffles.

Objektif

Objektif program ini adalah:

- memupuk kecekapan bahasa para pelajar yang menunjukkan kecenderungan terhadap Bahasa Melayu agar mereka dapat mencapai tahap penguasaan yang lebih tinggi dan pemahaman yang lebih baik tentang bahasa, kesusasteraan dan budaya Melayu; dan
- menyediakan peluang kepada para pelajar yang mempunyai kebolehan akademik yang baik untuk meningkatkan keupayaan berdwibahasa, iaitu dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris agar dapat berkhidmat dengan lebih baik untuk memenuhi keperluan negara.

Kandungan Kursus

Program selama dua tahun di pusat MLEP-JC menyediakan pelajar untuk menduduki peperiksaan bagi subjek H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Pelajar juga digalakkan mengambil H3 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu.

Pelajar MLEP-JC mempunyai pilihan untuk mengambil subjek H3 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, tanpa menduduki peperiksaan. Pelajar MLEP-JC juga boleh membuat pilihan untuk menduduki peperiksaan H3 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu².

H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu

Kertas 1	: Karangan
Kertas 2 (E-Peperiksaan)	: Kefahaman dan Komentari
Kertas 3	: Kertas Kesusasteraan yang mengkaji teks sastera pelbagai genre, iaitu novel, cerpen, sajak dan drama.

H3 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu

- Peperiksaan H3 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu (Kertas ini mempunyai dua komponen utama; penulisan kreatif dan analisis teks, termasuk teks tradisional); atau
- Esei atau projek tentang tajuk tertentu yang ditentukan oleh universiti tempatan.

Aktiviti Pengayaan

Program MLEP-JC ini menawarkan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dan menanam minat yang mendalam terhadap pembelajaran bahasa, kesusasteraan dan budaya Melayu

² Pelajar MLEP boleh menduduki peperiksaan H3 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu selagi jumlah AU bagi kesemua subjek yang didudukinya untuk peperiksaan A tidak melebihi 12 AU.

Aktiviti-aktiviti termasuklah widyawisata atau program penyerapan ke luar negara (Malaysia, Negara Brunei Darussalam atau Indonesia), bengkel penulisan kreatif, bengkel penterjemahan, perkhemahan sastera, siri ceramah MLEP, forum dan latihan amali (*internship*). Karya-karya pelajar seperti esei dan penulisan kreatif, jika terpilih, akan diterbitkan dalam antologi Saujana Pujangga.

Kriteria Kelayakan

Pelajar mesti mempunyai keputusan peperiksaan yang baik dalam Peperiksaan GCE 'O' dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- gred B3 dalam Bahasa Melayu Lanjutan; atau
- gred B4 dalam Bahasa Melayu Lanjutan dan gred B3 dalam Kesusasteraan Melayu (Penuh atau Elektif); atau
- gred A2 dalam Bahasa Melayu.

Pelajar boleh melayakkan diri untuk kemasukan ke pusat MLEP-JC melalui Latihan Permohonan Bersama (JAE) atau Pengambilan Masuk ke Sekolah secara Langsung (DSA). Pelajar mesti memenuhi kriteria kemasukan maktab yang menawarkan MLEP-JC.

Insentif Program

Mata Bonus

- Pelajar yang berjaya memasuki program ini akan mendapat dua mata bonus untuk kemasukan ke maktab rendah yang menawarkan program ini.
- Pelajar yang sudah berjaya memasuki program ini dikehendaki untuk terus mengikuti program ini tanpa mengira sama ada mereka menggunakan dua mata bonus itu atau sebaliknya. Jika pelajar ingin menarik diri daripada program ini, mereka mungkin diminta untuk meninggalkan maktab itu.

Biasiswa Program Elektif Bahasa Melayu (MLES)

Pelajar MLEP-JC yang merupakan warganegara Singapura dan cemerlang dalam keputusan akademik akan berpeluang untuk ditawarkan biasiswa oleh Kementerian Pendidikan. Setiap biasiswa ditawarkan selama dua tahun.

- Penerima biasiswa akan menerima biasiswa bernilai \$1,000 setiap tahun. Yuran sekolah juga akan dibiayai tertakluk pada jumlah maksimum bagi setiap tahun, iaitu sebanyak \$2,400.
- Penerima biasiswa perlu menawarkan MLEP-JC dan mata pelajaran H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Penerima biasiswa digalakkan agar mengambil mata pelajaran H3 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu.
- Pemberian biasiswa selepas JC1 bergantung pada kelakonan akademik dan kelakuan baik penerima pada akhir JC1.

Sijil MLEP-JC

Sijil pengiktirafan tamat program akan diberikan kepada setiap pelajar MLEP-JC pada akhir tahun kedua.